

AMBIL PEDULI AKTA

**SIRI
4/2024**



ANTARA PERUNTUKAN KESALAHAN BERBENTUK SEKSUAL DI DALAM KANUN KESEKSAAN



377A PERSETUBUHAN YANG BERTENTANGAN DENGAN ATURAN TABII

Mana-mana orang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang lain yang memasukkan zakarnya ke dalam dubur atau mulut seseorang lain itu dikatakan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii.

Huraian -- Kemasukan adalah memadai bagi perhubungan seks yang perlu bagi kesalahan yang tersebut dalam seksyen ini.

Tindakan

- Staf yang didapati melakukan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabii boleh dilaporkan kepada pihak polis atas kesalahan jenayah yang dilakukan. Tindakan tatatertib sehingga pembuangan kerja boleh dikenakan kepada penama yang terlibat.
- Sekiranya menghadapi tekanan yang melibatkan perlakuan tersebut, mohon maklumkan kepada Ketua Jabatan atau berjumpa untuk mendapatkan khidmat nasihat / kaunseling daripada Pegawai Psikologi Universiti / Pegawai Runding Cara daripada Jabatan Agama Islam / Pegawai Psikologi daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Rujukan

- Seksyen 377A Kanun Keseksaan;
- Surat edaran Naib Canselor bertarikh 18 Disember 2015 - Peranan Ketua Jabatan Untuk Memantau Staf Di Bawah Seliaan